



OTHMAN MUSTAPHA (tengah) bersama para peserta Konvensyen Badan Pensijilan Halal 2015 di PICC, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFOD

Layak sahkan status halal makanan dari 33 negara

Jakim iktiraf 67 badan

Oleh **HAKIMI ISMAIL**

pengarah@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 30 MAC

JABATAN Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) memberi pengiktirafan kepada 67 badan pensijilan halal luar negara dari 33 buah negara bagi mengesahkan status halal sesuatu barangan sebelum diimport ke Malaysia.

Ketua Pengarah Jakim, Datuk Othman Mustapha berkata, pihaknya sentiasa mengadakan pemantauan bagi memastikan badan pensijilan halal luar negara yang telah dilantik dan diiktiraf mengikut setiap garis panduan ditetapkan.

Kata beliau, Jakim tidak akan berkompromi dalam bab halal dan sehingga kini, sebanyak 10 badan pensijilan halal luar negara telah ditarik balik statusnya kerana gagal menepati piawaian ditetapkan.

“Saya amat berpuas hati dengan prestasi badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf Jakim kerana mereka telah menjalankan tanggungjawab yang besar dalam me-

mentukan status sesuatu produk sebelum dibawa masuk ke Malaysia.

“Namun, Jakim tidak akan teragak-agak untuk menarik balik pengiktirafan yang telah diberikan sekiranya mana-mana badan pensijilan halal luar negara gagal mematuhi piawaian yang ditetapkan.

“Status halal bahan mentah, produk makanan, bahan ramuan kritikal, daging dan juga produk berasaskan haiwan yang diimport ke negara ini menepati segala kehendak Jakim, sekali gus membuktikan keberkesanan peranan badan pensijilan halal luar negara,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri Konvensyen Badan Pensijilan Halal 2015 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) hari ini.

Konvensyen tersebut merupakan program tahunan yang dianjurkan Jakim membabitkan badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf selain turut melibatkan penyertaan pihak kedutaan dan agensi strategik halal di Malaysia.

“Konvensyen kali ini menumpukan kepada aspek teknikal sebagai

usaha meningkatkan kemahiran badan pensijilan halal luar negara. Ini bertepatan dengan tema konvensyen iaitu Badan Pensijilan Halal: Transformasi Ke Arah Meningkatkan Industri Halal Global.

“Antara objektif penganjuran konvensyen ini adalah meningkatkan kefahaman badan pensijilan halal luar negara berhubung pelaksanaan sistem standard halal Malaysia dan sebagai platform perkongsian maklumat serta pengalaman kepada badan yang diiktiraf,” katanya.

Sementara itu kata Othman, konvensyen kali ini juga dianjurkan bersempena dengan Sidang Kemuncak Halal Dunia (WHS) yang dijadual berlangsung selama enam hari sehingga 4 April ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Dalam pada itu katanya, makmal dan pusat kajian halal Jakim yang dibangunkan di Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan yang dijangka siap penghujung tahun ini bakal memainkan peranan besar dalam menentukan status halal sesuatu barangan di Malaysia.